

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**REKA BENTUK, KESAHAN, DAN KEBOLEHPERCAYAAN  
INSTRUMEN PENGUKURAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL  
MIDDLE LEADER TEAM**

***DESIGN, VALIDITY, AND RELIABILITY OF THE INSTRUCTIONAL LEADERSHIP  
MEASUREMENT INSTRUMENT FOR THE MIDDLE LEADER TEAM***

Muhd Muzakkir Afiq Musa<sup>1\*</sup>, Ramlee Ismail<sup>2</sup>, Marinah Awang<sup>3</sup>, Che Noor Hawa Che Ismail<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: p20191000581@siswa.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: ramlee@fpe.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Pengurusan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: marinah@fpe.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: hawa\_ismail@upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 23.12.2024

**To cite this document:**

Musa, M. M. A., Ismail, R., Awang, M., & Ismail, C. N. H. C. (2024). Reka Bentuk, Kesahan, Dan Kebolehpercayaan Instrumen Pengukuran Kepimpinan Instruksional Middle Leader Team. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 665-684.

**DOI:** 10.35631/IJEP.956040

**Abstrak:**

Kepimpinan instruksional mempunyai definisi, konstruk, serta item pengukuran yang pelbagai mengikut pemahaman konteks kajian penyelidikan yang dijalankan. Definisi kepimpinan instruksional perlu diperjelas sama ada dari segi konstruk atau item pengukuran bagi menguji keupayaan pemimpin pendidikan di institusi pendidikan terutamanya Middle Leader Team (MLT). Oleh itu kajian penyelidikan ini bertujuan untuk mendefinisikan kepimpinan instruksional MLT serta konstruk yang terlibat, seterusnya penilaian kesahan dan kebolehpercayaan melalui analisis keperluan dalam mereka bentuk dan membangunkan instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT. Kesemua konstruk yang dibangunkan, diadaptasi dan diubah suai daripada konstruk kepimpinan instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985) iaitu mendefinisikan misi; mengurus program instruksional; membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi 71 item pengukuran melalui proses kesahan muka dan kesahan kandungan oleh lapan orang pakar penilai dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan menggunakan jenis skala empat mata. Ujian Indeks Kesahan Kandungan (CVI) dan nilai Pekali Kappa digunakan dan dapatan kajian mendapati hanya 43 item pengukuran memperoleh nilai kebolehterima melebihi 0.83 dan diterima sepenuhnya oleh kesepakatan pakar penilai, manakala 28 item pengukuran lain digugurkan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kerana memperoleh nilai kebolehterimaan kurang daripada 0.83. Oleh itu kesemua 43 item pengukuran mewakili tiga dimensi iaitu mendefinisikan misi; mengurus program instruksional; membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran dikekalkan bagi ujian statistik selanjutnya.

#### Kata Kunci:

Kepimpinan Instruksional, Kesahan Kandungan, Middle Leader Team

#### Abstract:

Instructional leadership has diverse definitions, constructs, and measurement items based on the understanding of the research context in which the studies are conducted. The definition of instructional leadership needs to be clarified, either in terms of constructs or measurement items, to assess the capabilities of educational leaders in educational institutions, particularly the Middle Leader Team (MLT). Therefore, this research aims to define the instructional leadership of MLT, along with the relevant constructs, followed by the evaluation of validity and reliability through a needs analysis in designing and developing the MLT instructional leadership measurement instrument. All constructs were developed, adapted, and modified from the instructional leadership constructs by Hallinger and Murphy (1985), which include defining the mission, managing the instructional program, and creating a conducive teaching and learning climate. These constructs comprised 71 measurement items, which underwent face validity and content validity processes by eight expert evaluators in the field of educational leadership and management using a four-point scale. The Content Validity Index (CVI) and Kappa Coefficient values were used, and the findings revealed that only 43 measurement items achieved an acceptance value of more than 0.83 and were fully endorsed by the expert consensus, while 28 measurement items were dropped due to achieving an acceptance value of less than 0.83. Therefore, the 43 measurement items representing the three dimensions which include defining the mission, managing the instructional program, and creating a conducive teaching and learning climate were retained for further statistical testing.

#### Keywords:

Instructional Leadership, Content Validity, Middle Leader Team

## Pengenalan

Seruan pendidikan 4.0 dalam menyantuni kebangkitan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) menuntut pemimpin pendidikan abad ke-21 untuk menguasai pelbagai kemahiran seperti kecerdasan emosi; pemikiran kritis dan analitis; kreativiti dan inovasi; kemahiran komunikasi dan personal; kemahiran teknologi; kemahiran organisasi; kemahiran pengurusan personal; kerja berpasukan dan kolaborasi; pembangunan perkongsian; pendekatan, pembangunan, dan penglibatan diri kepada komuniti; pembangunan yang tidak bersifat perkauman, sama rata, ekuiti, dan inklusif; serta kesedaran dan kefahaman global (Kaume-Mwinzi, 2016). Namun pemimpin pendidikan masa kini terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu serta cabaran yang lebih kompleks setiap hari dan secara realitinya memaksa mereka untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam memilih dan mengaplikasikan gaya kepimpinan yang paling berkesan (Marron & Cunniff, 2014).

Pemilihan gaya kepimpinan yang paling tepat dan sesuai akan lebih mempengaruhi amalan organisasi pembelajaran di sekolah meskipun diasak dengan pelbagai perubahan dan transformasi dalam landskap pendidikan (Ghadermarzi et al., 2022). Oleh yang demikian kepimpinan instruksional dilihat sebagai sebuah formula penting bagi memastikan sistem pendidikan negara terus relevan agar dapat memacu perubahan dan kekal bersaing secara kompetitif dalam mendepani perubahan demi perubahan yang berlaku dalam pendidikan masa kini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sewaktu melancarkan Program Transformasi Daerah (DTP) Edisi 3.0 turut menggesa seluruh pemimpin pendidikan masa kini untuk memberi penekanan kepada kepimpinan instruksional dalam menyasarkan sekolah berkualiti dan kemenjadian murid terutamanya bagi murid di sekolah berprestasi rendah menerusi sokongan dan bantuan terbeza (KPM, 2019; 2017; 2013).

Sejajar dengan peralihan gelombang ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, peranan dan akauntabiliti yang dimainkan oleh MLT selaku pemimpin pertengahan di institusi pendidikan KPM mula diberi tumpuan serius menerusi Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) dalam memperkasa budaya kepimpinan rakan setugas bagi pembangunan kecemerlangan profesional guru di sekolah. MLT perlu melaksanakan personel bimbingan dan pementoran secara langsung, yang berfokus kepada kepimpinan instruksional kepada guru di sekolah (KPM, 2019; 2017) bertujuan memaksimumkan potensi guru dalam memupuk budaya kecemerlangan profesional keteladanan rakan setugas; MLT dan guru saling membimbang; perkongsian amalan terbaik; dan memastikan guru di sekolah mempunyai kebertanggungjawaban dalam memenuhi standard profesional yang ditetapkan (KPM, 2019; 2017; Ramlee & Marinah, 2017).

Perkhidmatan pendidikan berteraskan 4IR yang telah diintegrasikan ke dalam perancangan PPPM 2013-2025 turut menjadikan pendidikan digital terus berkembang, terutamanya menerusi pengaplikasian pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 seperti e-RPH, DELIMa 2.0, Sekolah Bestari, *Smart Lab*, *Google Classroom*, *Google Meet* atau *Microsoft Team*, *Google Sites*, penggunaan tablet bagi pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah, dan sebagainya. Guru sebagai sumber manusia utama tidak hanya dituntut untuk menjadi penyampai kandungan pembelajaran semata-mata, malah didesak untuk menjadi sumber manusia yang berpengetahuan tinggi (Schleicher, 2012). Guru juga didorong untuk terus meningkatkan pengetahuan profesional mereka bagi memartabatkan lagi profesi keguruan agar operasi sistem pendidikan yang agak ketinggalan ini dapat diperbaharui. Oleh itu dalam memastikan misi ini berjaya dijayakan secara proaktif, MLT selaku pemimpin instruksional di sekolah harus bersama mengembang tenaga menjayakannya bersama guru dan pihak berkepentingan.

Namun begitu, kajian penyelidikan berkaitan dengan kejayaan pemimpin pertengahan sebagai tonggak kecemerlangan institusi pendidikan, terutamanya melibatkan MLT selaku pemimpin instruksional di sekolah adalah jauh lebih rendah dan masih terdapat keperluan untuk dikaji jika dibandingkan dengan kajian penyelidikan pengkaji terdahulu yang kebanyakannya memfokuskan kepada pemimpin utama organisasi seperti pengetua dan guru besar (Sukor, 2022; Harris et al., 2019; Abd Razak, 2017). Oleh sebab itu, instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT yang mapan dan komprehensif berdasarkan konteks pendidikan di Malaysia perlu dibangunkan, dalam usaha memberikan panduan kepada MLT di sekolah dalam memimpin kepimpinan instruksional sebagaimana yang dihasratkan dalam pelaksanaan DTP dan TS25. Secara tidak langsung, usaha ini akan dapat menambah baik kecekapan produktiviti sekolah dan seterusnya menambah baik kualiti pendidikan. Secara keseluruhannya, kajian

penyelidikan ini bertujuan untuk mendefinisikan kepimpinan instruksional MLT serta konstruk yang terlibat, seterusnya penilaian kesahan dan kbolehpercayaan melalui analisis keperluan dalam mereka bentuk dan membangunkan instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT.

### **Tinjauan Literatur**

Kepimpinan instruksional merupakan suatu gaya kepimpinan yang sangat kompleks memandangkan bidang dan peranannya yang sangat luas serta mendapat tempat dalam kalangan pengkaji sejak tahun 1980an lagi (Adams et al., 2018; Hallinger, 2003). Organisasi pendidikan masa kini mula menyasarkan pemilihan gaya kepimpinan berkesan sebagai faktor kepada kejayaan dan kelebihan sesebuah organisasi pendidikan (Ghadermarzi et al., 2022). Secara umumnya, istilah ‘kepimpinan instruksional’ merujuk kepada suatu bentuk kepimpinan yang memberi penekanan kepada penambahbaikan aspek pengurusan pengajaran dan pembelajaran sebagai aktiviti utama dalam sesebuah institusi pendidikan (Hallinger & Murphy, 1985). Ia juga didefinisikan sebagai interaksi secara formal; penglibatan secara menyeluruh; pembangunan profesional; pembangunan kurikulum; dan implementasi kepada kajian berbentuk tindakan, dengan hasrat kredibiliti dan kapasiti individu berjaya ditingkatkan (Lokman et al., 2013).

Menurut Roslizam et al. (2018) teori dan model kepimpinan instruksional telah dikemukakan oleh beberapa sarjana terdahulu antaranya Hallinger (2011; 2000); Alig-Mielcarek (2003); Mc Ewan (2003); Weber (1996); Hallinger dan Murphy (1987; 1985). Bagi melihat evolusi kepimpinan instruksional, empat model utama kepimpinan instruksional yang dikemukakan oleh beberapa sarjana terdahulu ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 1.

**Jadual 1 : Model Kepimpinan Instruksional**


<b>Model</b>	<b>Dimensi</b>
Hallinger (2011)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mentakrifkan misi sekolah</li> <li>• mengurus program instruksional</li> <li>• membentuk iklim sekolah</li> </ul>
Alig-Mielcarek (2003)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengenal pasti dan menyebar matlamat bersama-sama</li> <li>• mengawal dan member maklum balas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran</li> <li>• mewujudkan pembangunan profesional sekolah secara meluas</li> </ul>
Weber (1996)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendefinisikan misi sekolah</li> <li>• mengurus kurikulum dan pengajaran</li> <li>• menggalakkan iklim pembelajaran yang positif</li> <li>• memerhati dan meningkatkan pengajaran</li> <li>• menilai program pengajaran</li> </ul>
Hallinger dan Murphy (1985)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendefinisikan misi</li> <li>• mengurus program instruksional</li> <li>• membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran</li> </ul>

Kepimpinan instruksional juga turut mengalami masalah kepelbagaian yang telah menghasilkan definisi, fungsi tingkah laku, dan penentuan konstruk yang pelbagai (Roslizam et al., 2018; Mohd Yusri & Aziz, 2017) memandangkan penggunaannya yang meluas merentasi sempadan dunia (Qian et al., 2017). Hasil kajian literatur pada masa kini mengenai kepimpinan

instruksional turut menghasilkan konstruk serta dapatan kajian yang pelbagai. Walaupun kecemerlangan organisasi pendidikan khususnya dalam bidang kurikulum amat signifikan dengan kepimpinan instruksional (Mat Rahimi, 2020; Jeffri et al., 2020) serta turut memberi impak langsung terhadap peningkatan akademik (Aziah et al., 2021), namun perlu diingat bahawa model kepimpinan instruksional kebanyakannya berasal dan dibangunkan oleh sarjana daripada negara barat seperti Alig-Mielcarek (2003); Mc Ewan (2003); dan sebagainya. Sarjana daripada asia timur turut menegaskan bahawa, dasar serta amalan tempatan yang berkaitan dengan pemimpin pendidikan harus didasarkan bukan hanya pada penemuan terutama dari pengkalan pengetahuan ‘barat’, tetapi juga pada pengalaman dan pengetahuan masyarakat setempat (Sharma et al., 2018).

Di Malaysia, pelaksanaan DTP dan TS25 oleh KPM sejajar dengan gelombang ketiga PPPM 2021-2025 turut menuntut MLT untuk melaksanakan personel bimbingan dan pementoran yang berfokus kepada kepimpinan instruksional (KPM, 2019; 2017). Namun begitu kajian berkaitan dengan kejayaan dan keberkesanan pemimpin pertengahan dalam memacu organisasi pendidikan ini jauh lebih rendah dan masih terdapat keperluan untuk dikaji jika dibandingkan dengan kajian pengkaji terdahulu yang kebanyakannya hanya memfokuskan kepimpinan instruksional ini kepada pemimpin utama organisasi pendidikan seperti pengetua dan guru besar (Sukor, 2022; Sukor et al., 2019; Abd Razak, 2017). Oleh itu analisis keperluan dalam mereka bentuk dan membangunkan instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT perlu dilakukan bagi mencari penyelesaian kepada permasalahan memandangkan ianya merupakan alat penting untuk mengenal pasti jurang kajian penyelidikan untuk dikaji (Hosshan et al., 2020).

Oleh itu setelah mempertimbangkan kesemua definisi kepimpinan instruksional serta dapatan pengkaji terdahulu, maka pengkaji merumuskan bahawa konstruk kepimpinan instruksional MLT yang dikaji dalam kajian penyelidikan ini diadaptasi dan diubah suai daripada konstruk kepimpinan instruksional yang dibangunkan oleh Hallinger dan Murphy (1985) iaitu mendefinisikan misi; mengurus program instruksional; dan membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran memandangkan ianya paling kerap digunakan oleh para pengkaji dalam kajian penyelidikan yang berkaitan dengan kepimpinan instruksional (Hallinger et al., 2013). Kerangka konseptual kajian ditunjukkan sebagaimana di dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

## Metodologi Kajian

### Pembangunan Instrumen Pengukuran

Instrumen pengukuran dalam kajian penyelidikan ini dibangunkan melalui adaptasi instrumen pengukuran sedia ada dan diubah suai daripada *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) oleh Hallinger dan Murphy (1985). Pengkaji menjalankan proses adaptasi dan ubah suai instrumen pengukuran ini melalui lima langkah sebagaimana yang dicadangkan oleh

Beaton et al., (2000) iaitu terjemahan; sintesis terjemahan yang dilakukan; terjemahan semula; penilaian oleh pakar; dan pra-ujian. Perbezaan faktor budaya menjadi sebab utama kepada keseluruhan proses ini dijalankan (Cohen et al., 2018; Beaton et al., 2000) dengan penggunaan skala likert sebagai skala pengukuran.

Seterusnya instrumen pengukuran ini melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Proses terjemahan dilakukan oleh dua orang pakar bahasa menggunakan prosedur yang dicadangkan oleh Cohen et al. (2018) iaitu penterjemah pertama adalah terdiri daripada individu yang menguasai kedua-dua bahasa (Brislin, 1970) iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Kemudian instrumen pengukuran asal yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh penterjemah pertama diberikan pula kepada penterjemah kedua, yang mana penterjemah kedua adalah individu yang belum pernah melihat instrumen pengukuran asal dalam Bahasa Inggeris. Seterusnya kedua-dua instrumen pengukuran ini dibandingkan semula untuk dinilai sama ada ianya memberikan maksud yang sama atau sebaliknya. Sekiranya kedua-dua instrumen pengukuran ini membawa maksud yang sama, maka instrumen pengukuran ini diterima dan sekiranya sebaliknya, instrumen pengukuran ini akan melalui proses penambahbaikan.

Selanjutnya instrumen pengukuran ini menjalani proses penilaian oleh pakar penilai. Seramai lapan orang pakar penilai dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan telah dipilih dan dilantik bagi mengesahkan dan memperkuuhkan lagi instrumen pengukuran. Kriteria pemilihan lapan orang pakar penilai ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan, pengalaman, dan kepakaran khusus yang dimiliki, serta dapat memberikan maklumat yang diperlukan (Cohen et al., 2018). Mendapatkan persetujuan daripada lapan orang pakar penilai diperingkat awal turut dilakukan. Perincian kriteria pemilihan pakar penilai dijelaskan sebagaimana di dalam Jadual 2.

**Jadual 2 : Perincian Kriteria Pemilihan Pakar Penilai**

<b>Jawatan</b>	<b>Pengalaman</b>
Pensyarah Kanan - Profesor Madya	> 10 tahun
Pensyarah Kanan - Profesor Madya	> 10 tahun
Pensyarah Kanan - Pemegang PhD	> 10 tahun
Penolong Pengarah - Pemegang PhD	> 10 tahun
Pegawai Kanan SISC+ - Pemegang PhD	> 10 tahun
Pegawai Kanan SIPartners+	> 10 tahun
Pengetua SMK (Luar Bandar)	> 10 tahun
Pengetua SMK (Bandar)	> 10 tahun

#### **Penilaian Kesahan Konstruk dan Item Pengukuran**

Penilaian kesahan terhadap konstruk dan item pengukuran yang dikemukakan kepada lapan orang pakar penilai dilakukan menggunakan skala empat mata. Pakar penilai boleh menambah, menggugurkan, atau memperbaiki item pengukuran sedia ada mengikut pengetahuan, pengalaman, dan kepakaran secara khusus yang dimiliki dalam bidang masing-masing. Seterusnya dapatan kesepakatan pakar penilai akan dinilai dan dianalisis menggunakan ujian CVI.

Menurut Davis (1992) skala empat mata sangat relevan digunakan dalam pengiraan ujian CVI. Nilai Item Indeks Kesahan Kandungan (I-CVI) = 1 akan dikira apabila pakar penilai memberikan skala tiga mata atau skala empat mata, maka item pengukuran berkenaan dianggap sangat sesuai untuk digunakan (Polit & Beck, 2006). Skala satu mata = tidak relevan, skala dua

mata = agak relevan, skala tiga mata = relevan, dan skala empat mata = sangat relevan digunakan (Polit & Beck, 2006). Bagi nilai kebolehterimaan I-CVI bagi lapan orang pakar penilai mestilah melebihi 0.83 mengikut saranan yang dijelaskan oleh Lynn (1986). Sekiranya bilangan pakar penilai terdiri daripada tiga hingga lima orang, nilai kebolehterimaan I-CVI adalah 1.00 (Polit & Beck, 2006). Sementara itu bagi nilai kebolehterimaan Skala Indeks Kesahan Kandungan (S-CVI) yang disyorkan adalah 0.80 (Polit & Beck, 2017; Lynn, 1986).

Oleh kerana penggunaan ujian CVI untuk mengukur dapatan kesepakatan pakar penilai mempunyai kelemahan dari segi nilai terapung (*inflated value*) disebabkan oleh kemungkinan persetujuan bersama (*possibility of chance agreement*), maka kelemahan ini akan diatasi melalui pengiraan nilai Pekali Kappa bagi menyingkirkan persetujuan peluang secara rawak (*random chance agreement*) (Shrotryia & Dhanda, 2019). Kebarangkalian nilai peluang persetujuan (Pc) harus dikira terlebih dahulu sebelum pengiraan nilai Pekali Kappa dilakukan,  $Pc = [N!/A!(N-A)!] \times 0.5^N$ . Di mana nilai N ialah bilangan pakar penilai, dan A ialah bilangan pakar penilai yang bersetuju terhadap item pengukuran. Oleh itu, nilai Pekali Kappa boleh dikira menggunakan formula,  $K = (I-CVI-Pc) / (1-Pc)$ . Nilai Pekali Kappa bersamaan dengan 1 dikira cemerlang (Miles & Hubberman, 1994), antara 0.83 dan 0.99 dikira sangat baik (Tabachnick & Fidell, 2019), antara 0.60 dan 0.74 dikira baik, dan antara 0.40 dan 0.59 dikira wajar (Zamanzadeh et al., 2015).

### **Penilaian Kebolehpercayaan Konstruk dan Item Pengukuran**

Penilaian kebolehpercayaan terhadap konstruk dan item pengukuran dilakukan bagi mendapatkan tahap ketekalan atau kestabilan indeks kebolehpercayaan bagi setiap konstruk yang hendak diukur dalam instrumen pengukuran. Pada kebiasaannya penilaian kebolehpercayaan terhadap konstruk dan item pengukuran akan menggunakan nilai pekali *Cronbach Alpha* (Ramlee et al., 2021; Pallant, 2020; Creswell & Guetterman, 2020; Bougie & Sekaran, 2019). Ukuran ini berdasarkan kepada purata korelasi item pengukuran yang digunakan dalam instrumen pengukuran apabila item pengukuran tersebut dipiawaikan (Ramlee Ismail et al., 2021).

Nilai pekali *Cronbach Alpha* yang memiliki julat antara 0 hingga 1 akan digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan bagi setiap konstruk di dalam instrumen pengukuran. Nilai pekali *Cronbach Alpha* yang diterima umumnya adalah lebih dari 0.60 dengan nilai melebihi 0.8 dianggap berada pada tahap yang sangat baik, manakala nilai pekali *Cronbach Alpha* yang kurang dari 0.60 dianggap rendah serta tidak boleh diterima (Pallant, 2020; Bougie & Sekaran, 2019). Namun adalah lebih baik untuk mendapatkan nilai pekali *Cronbach Alpha* sekurang-kurangnya 0.70 (Ramlee et al., 2021). Oleh yang demikian untuk menentukan kebolehpercayaan konstruk dan item pengukuran terhadap instrumen pengukuran, kajian rintis telah dijalankan ke atas 118 orang guru yang bertugas di sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia dengan memberi tumpuan kepada sekolah yang terletak di bandar dan luar bandar sebagai sampel kajian rintis. Sampel kajian rintis yang ideal dalam melaksanakan kajian rintis adalah minimum 100 orang (Hair et al., 2010).

### **Dapatan Kajian**

### **Penilaian Pakar Penilai Terhadap Konstruk dan Item Pengukuran**

Instrumen pengukuran kepimpinan instruksional yang dibangunkan oleh Hallinger dan Murphy (1985) terdiri daripada tiga konstruk meliputi 71 item pengukuran. Setiap item pengukuran telah dicodingkan dan disusun terlebih dahulu. Dapatan kesepakatan pakar penilai

terhadap konstruk dan item pengukuran berdasarkan kepada ujian CVI dan nilai I-CVI yang dijalankan ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 2 hingga Jadual 4. Pengiraan nilai S-CVI dan nilai Pekali Kappa turut dilakukan.

Secara keseluruhan berdasarkan dapatan kesepakatan pakar penilai terhadap konstruk dan item pengukuran - konstruk mendefinisikan misi mendapatkan, daripada 12 item pengukuran yang dikemukakan hanya empat item pengukuran sahaja iaitu MM5, MM7, MM9, dan MM11 yang memperolehi nilai I-CVI = 0.875, manakala empat item pengukuran yang lain iaitu MM1, MM3, MM4, dan MM10 memperolehi nilai I-CVI = 1 dan lapan item pengukuran ini telah diterima sepenuhnya oleh kesepakatan pakar penilai. Namun begitu bagi empat item pengukuran lain yang dikemukakan iaitu MM2, MM6, MM8, dan MM12 pula digugurkan oleh kesepakatan pakar penilai. Bagi nilai kebolehenerimaan S-CVI ialah 0.85 bermakna kesahan kandungan dan kesahan kriteria ini diterima. Nilai Pekali Kappa juga memiliki julat antara 0.62 hingga 1.00 yang mana masih dikategorikan sebagai baik berdasarkan kesepakatan pakar penilai. Perincian dapatan kesepakatan pakar penilai bagi konstruk mendefinisikan misi ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 3.

**Jadual 3 : Dapatan Kesepakatan Pakar Penilai - Konstruk Mendefinisikan Misi**

Kod Item	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5	Pakar 6	Pakar 7	Pakar 8	Persetujuan Pakar (A)	I-CVI	Pc	Pekali Kappa
MM1	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MM2	1	1	1	0	1	0	0	1	5	0.625	0.01875	0.62
MM3	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MM4	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MM5	0	1	1	1	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MM6	0	1	1	1	1	0	0	1	5	0.625	0.01875	0.62
MM7	0	1	1	1	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MM8	0	1	1	1	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MM9	0	1	1	1	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MM10	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MM11	0	1	1	1	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MM12	0	1	1	1	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75

S-CVI/Ave = 0.85 (Diterima). I-CVI = Item Content Validity Index, Pc = Probability Of Change Agreement, S-CVI/UA = Scale Content Validity Index

Seterusnya berdasarkan dapatan kesepakatan pakar penilai terhadap konstruk dan item pengukuran - konstruk mengurus program instruksional mendapatkan, daripada 26 item pengukuran yang dikemukakan hanya 16 item pengukuran sahaja iaitu MPI1, MPI2, MPI4, MPI5, MPI6, MPI8, MPI11, MPI12, MPI13, MPI16, MPI17, MPI19, MPI20, MPI21, MPI25, dan MPI26 yang memperolehi nilai I-CVI = 1 dan 16 item pengukuran ini telah diterima sepenuhnya oleh kesepakatan pakar penilai. Namun begitu bagi 10 item pengukuran lain yang dikemukakan iaitu MPI3, MPI7, MPI9, MPI10, MPI14, MPI15, MPI18, MPI22, MPI23, dan MPI24 pula digugurkan oleh kesepakatan pakar penilai. Bagi nilai kebolehenerimaan S-CVI ialah 0.88 bermakna kesahan kandungan dan kesahan kriteria ini diterima. Nilai Pekali Kappa juga memiliki julat antara 0.34 hingga 1.00 yang mana masih dikategorikan sebagai wajar berdasarkan kesepakatan pakar penilai. Perincian dapatan kesepakatan pakar penilai bagi konstruk mengurus program instruksional ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 4.

**Jadual 4 : Dapatan Kesepakatan Pakar Penilai - Konstruk Mengurus Program Instruksional**

Kod Item	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5	Pakar 6	Pakar 7	Pakar 8	Persetujuan Pakar (A)	I-CVI	Pc	Pekali Kappa
MPI1	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI2	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI3	0	1	1	0	1	1	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI4	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI5	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI6	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI7	1	1	1	1	1	1	0	0	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI8	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI9	1	1	1	1	1	1	0	0	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI10	1	0	1	1	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI11	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI12	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI13	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI14	1	1	0	1	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI15	1	1	1	1	1	0	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI16	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI17	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI18	0	0	1	1	1	1	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI19	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI20	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI21	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI22	1	0	0	1	1	1	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MPI23	1	1	0	1	1	0	0	0	4	0.5	0.03125	0.48
MPI24	1	0	0	1	1	0	0	0	3	0.375	0.052083333	0.34
MPI25	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MPI26	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00

S-CVI/Ave = 0.88 (Diterima). I-CVI = Item Content Validity Index, Pc = Probability Of Change Agreement, S-CVI/UA = Scale Content Validity Index

Seterusnya berdasarkan dapatan kesepakatan pakar penilai terhadap konstruk dan item pengukuran - konstruk membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran mendapatkan, daripada 33 item pengukuran yang dikemukakan hanya lima item pengukuran sahaja iaitu MIPP4, MIPP8, MIPP21, MIPP24, dan MIPP25 yang memperolehi nilai I-CVI = 0.875, manakala 14 item pengukuran yang lain iaitu MIPP1, MIPP5, MIPP7, MIPP9, MIPP11, MIPP12, MIPP14, MIPP18, MIPP19, MIPP20, MIPP26, MIPP27, MIPP30, dan MIPP33 memperolehi nilai I-CVI = 1 dan 19 item pengukuran ini telah diterima sepenuhnya oleh kesepakatan pakar penilai. Namun begitu bagi 14 item pengukuran lain yang dikemukakan iaitu MIPP2, MIPP3, MIPP6, MIPP10, MIPP13, MIPP15, MIPP16, MIPP17, MIPP22, MIPP23, MIPP28, MIPP29, MIPP31, dan MIPP32 pula digugurkan oleh kesepakatan pakar penilai. Bagi nilai kebolehterimaan S-CVI ialah 0.87 bermakna kesahan kandungan dan kesahan kriteria ini diterima. Nilai Pekali Kappa juga memiliki julat antara 0.48 hingga 1.00 yang mana masih dikategorikan sebagai wajar berdasarkan kesepakatan pakar penilai. Perincian dapatan kesepakatan pakar penilai bagi konstruk membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 5.

**Jadual 5 : Dapatan Kesepakatan Pakar Penilai - Konstruk Membentuk Iklim Pengajaran Dan Pembelajaran**

Kod Item	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5	Pakar 6	Pakar 7	Pakar 8	Persetujuan Pakar (A)	I-CVI	Pc	Pekali Kappa
MIPP1	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP2	1	1	1	1	0	0	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP3	1	1	1	1	0	0	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP4	1	1	0	1	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MIPP5	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP6	1	0	1	1	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP7	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP8	1	1	1	0	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MIPP9	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP10	1	1	1	1	0	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP11	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP12	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP13	1	1	1	1	0	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP14	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP15	1	1	1	1	0	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP16	1	1	1	1	0	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP17	1	1	1	1	0	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP18	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP19	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP20	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP21	1	1	1	0	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MIPP22	1	1	1	0	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP23	1	1	0	0	1	1	0	0	4	0.5	0.03125	0.48
MIPP24	1	1	1	0	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MIPP25	1	1	0	1	1	1	1	1	7	0.875	0.004464286	0.87
MIPP26	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP27	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP28	1	1	0	0	1	1	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP29	0	1	1	0	1	1	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP30	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00
MIPP31	1	1	1	0	1	1	0	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP32	1	0	1	1	1	0	1	1	6	0.75	0.010416667	0.75
MIPP33	1	1	1	1	1	1	1	1	8	1	0.00390625	1.00

S-CVI/Ave = 0.87 (Diterima). I-CVI = Item Content Validity Index, Pc = Probability Of Change Agreement, S-CVI/UA = Scale Content Validity Index

Beberapa perubahan telah dilakukan ke atas item pengukuran yang berkaitan mengikut ulasan kualitatif dan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh kesepakatan pakar penilai. Sebahagian pakar penilai turut memperbaiki item pengukuran sedia ada mengikut pengetahuan, pengalaman, dan kepakaran secara khusus yang dimiliki dalam bidang masing-masing. Ini kerana kesesuaian dan kejelasan setiap item pengukuran adalah sangat penting kerana ianya akan mempengaruhi setiap pilihan jawapan yang diberikan oleh responden dalam instrumen pengukuran.

### **Penilaian Kebolehpercayaan Nilai Pekali Cronbach Alpha**

Hasil ujian CVI yang telah dijalankan ke atas dapatkan kesepakatan pakar penilai terhadap konstruk dan item pengukuran, tiga konstruk dan 43 item pengukuran yang dikekalkan telah menjalani kajian rintis (*pilot test*). Oleh yang demikian keseluruhan konstruk yang diuji memiliki nilai pekali *Cronbach Alpha* yang sangat baik iaitu berada dalam julat antara 0.80 hingga 1.00 sebagaimana yang dinyatakan oleh Ramlee et al. (2021) Pallant (2020); Bougie dan Sekaran (2019). Secara keseluruhan instrumen pengukuran ini seterusnya boleh digunakan kepada responden dalam kajian sebenar bagi ujian statistik selanjutnya. Perincian penilaian kebolehpercayaan nilai pekali *Cronbach Alpha* ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 6.

**Jadual 6 : Penilaian Kebolehpercayaan Nilai Pekali Cronbach Alpha**

Konstruk	Bil Item	Nilai Pekali <i>Cronbach Alpha</i>
Mendefinisikan Misi	8	0.939
Mengurus Program Instruksional	16	0.974
Membentuk Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	19	0.972
<b>Keseluruhan</b>	<b>43</b>	<b>0.962</b>

### **Rumusan**

Secara keseluruhannya hasil ujian CVI yang dijalankan ke atas dapatkan kesepakatan pakar penilai mendapat, sebahagian besar item pengukuran masih lagi dikekalkan kerana melebihi nilai kebolehterimaan I-CVI yang ditetapkan iaitu 0.83 (Lynn, 1986) manakala sebahagian kecil item pengukuran lain digugurkan kerana di bawah nilai kebolehterimaan I-CVI yang ditetapkan bagi lapan orang pakar penilai. Jumlah asal 71 item pengukuran kepimpinan instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985), berkurang kepada 43 item pengukuran. Perincian bilangan keseluruhan item pengukuran kepimpinan instruksional MLT ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 7.

**Jadual 7 : Bilangan Keseluruhan Item Pengukuran Kepimpinan Instruksional MLT**

Instrumen Pengukuran	Bilangan Item Pengukuran		
	Asal	Digugurkan	Selepas CVI
Kepimpinan Instruksional MLT	71	28	43

Bagi nilai S-CVI/Ave bagi konstruk mendefinisikan misi ialah 0.85, konstruk mengurus program instruksional ialah 0.88, dan konstruk membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran ialah 0.87. Kesemua nilai S-CVI bagi setiap konstruk dalam kepimpinan instruksional MLT memenuhi syarat yang ditetapkan untuk kesahan konstruk. Nilai keseluruhan bagi S-CVI/Ave bagi instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT adalah pada 0.87. Oleh itu instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi (Polit et al., 2007). Instrumen pengukuran akhir kepimpinan instruksional MLT setelah menjalani ujian CVI ditunjukkan sebagaimana di dalam Jadual 8.

**Jadual 8 : Instrumen Pengukuran Akhir Kepimpinan Instruksional MLT**

<b>Kod Item</b>	<b>Item Asal</b>	<b>Item Ubah suai</b>	<b>Nilai I-CVI</b>	<b>Keputusan</b>
Konstruk - Mendefinisikan Misi				
MM1	Membentuk matlamat sekolah bagi meningkatkan pencapaian akademik semasa	Membentuk matlamat kurikulum bagi meningkatkan kualiti pencapaian GPMP	1	Diterima
MM3	Merangka matlamat akademik sekolah bersesuaian dengan tanggungjawab guru	Merangka matlamat kurikulum bersesuaian dengan tanggungjawab guru	1	Diterima
MM4	Menggunakan kaedah penilaian atau soal selidik untuk mendapatkan maklumbalas guru berkenaan matlamat sekolah	Menggunakan instrumen penilaian seperti suara guru ' <i>teacher voice</i> ' untuk mendapatkan maklum balas guru berkenaan matlamat kurikulum	1	Diterima
MM5	Menggunakan data keputusan pencapaian akademik pelajar bagi merangka matlamat akademik sekolah	Menggunakan data analisis peperiksaan sekolah dalam SAPS bagi merangka matlamat kurikulum	0.875	Diterima
MM7	Menyampaikan matlamat kurikulum sekolah kepada semua guru	Menyampaikan matlamat kurikulum kepada semua guru dan murid	1	Diterima
MM9	Mengadakan mesyuarat dengan guru bagi membincangkan matlamat kurikulum sekolah	Mengadakan bimbingan melalui PLC dan CPD dengan guru bagi membincangkan matlamat kurikulum	0.875	Diterima
MM10	Merujuk matlamat kurikulum sekolah dengan guru-guru apabila membuat keputusan berkaitan kurikulum	Merujuk matlamat kurikulum dengan guru apabila membuat keputusan berkaitan kualiti pencapaian GPMP	1	Diterima
MM11	Memastikan matlamat kurikulum sekolah dipaparkan dengan jelas di papan kenyataan sekolah	Memastikan matlamat kurikulum diuar-uarkan dan dipaparkan dengan jelas (contoh: papan kenyataan/banner/kumpulan <i>whatsapp/telegram</i> )	0.875	Diterima
Konstruk - Mengurus Program Instruksional				
MPI1	Melaksanakan pencerapan secara tidak formal di kelas secara berkala	Melaksanakan pencerapan pengajaran dan pembelajaran guru di kelas secara berkala	1	Diterima

MPI2	Memastikan objektif pengajaran bilik darjah guru selaras dengan matlamat sekolah	Memastikan objektif pembelajaran guru di kelas selaras dengan matlamat kurikulum	1	Diterima
MPI4	Menyemak hasil kerja pelajar apabila menilai pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas	Menyemak hasil kerja murid bagi memastikan kriteria kejayaan dicapai apabila menilai pengajaran dan pembelajaran guru di kelas	1	Diterima
MPI5	Menilai pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru bagi memastikan ia berkaitan dengan matlamat kurikulum sekolah	Menilai pengajaran dan pembelajaran guru di kelas bagi memastikan ianya berkaitan dengan matlamat kurikulum	1	Diterima
MPI6	Menyatakan kekuatan pengajaran pembelajaran (P&P) guru secara lisan selepas pencerapan	Menyatakan kekuatan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran guru secara lisan selepas melaksanakan pencerapan	1	Diterima
MPI8	Menyatakan kekuatan khusus berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru secara bertulis	Menyatakan kekuatan dan kelemahan khusus berkaitan pengajaran dan pembelajaran guru secara bertulis	1	Diterima
MPI11	Menyatakan secara khusus amalan pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru yang bersesuaian dengan objektif kurikulum kelas secara bertulis	Menyatakan secara khusus kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran di kelas secara bertulis	1	Diterima
MPI12	Menyatakan dengan jelas individu yang bertanggungjawab menyelaras kurikulum merentas gred	Menyatakan dengan jelas individu yang bertanggungjawab menyelaras kurikulum (contoh: GKMP/KP/guru)	1	Diterima
MPI13	Memastikan bahawa matlamat kurikulum sekolah diterjemahkan kepada objektif kurikulum sekolah	Memastikan bahawa matlamat kurikulum diterjemahkan kepada matlamat keseluruhan sekolah	1	Diterima
MPI16	Memantau kurikulum kelas agar seiring dengan objektif kurikulum sekolah	Memantau kualiti pengajaran dan pembelajaran guru di kelas agar seiring dengan matlamat kurikulum	1	Diterima

MPI17	Menilai sebarang ketidakselarasan antara objektif kurikulum sekolah dengan ujian pencapaian yang digunakan sebagai penilaian program	Menilai sebarang ketidakselarasan antara matlamat kurikulum dengan pencapaian murid melalui data analisis peperiksaan sekolah dalam SAPS	1	Diterima
MPI19	Berjumpa dengan guru bagi membincangkan pencapaian akademik pelajar	Mengadakan bimbingan dan pementoran melalui PLC dan CPD dengan guru bagi membincangkan pencapaian murid	1	Diterima
MPI20	Berbincang dengan panitia mata pelajaran mengenai analisi item ujian bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam pengajaran	Berbincang dengan panitia mata pelajaran mengenai data analisis peperiksaan sekolah dalam SAPS bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran guru	1	Diterima
MPI21	Menggunakan keputusan ujian akademik pelajar untuk menilai peningkatan ke arah pencapaian matlamat sekolah	Menggunakan data analisis peperiksaan sekolah dalam SAPS untuk menilai peningkatan ke arah mencapai matlamat kurikulum	1	Diterima
MPI25	Mengenal pasti pelajar yang keputusan ujiannya menunjukkan keperluan untuk pengajaran pemulihan atau pengayaan	Mengenal pasti murid yang menunjukkan pencapaian lemah sebagai keperluan untuk pemulihan atau pengayaan	1	Diterima
MPI26	Merangka program pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang sesuai untuk membantu pelajar yang mendapat keputusan yang lemah	Merangka intervensi yang sesuai untuk membantu murid yang menunjukkan pencapaian lemah	1	Diterima

**Konstruk - Membentuk Iklim Pengajaran dan Pembelajaran**

MIPP1	Memastikan waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) tidak digangu oleh sebarang pengumuman yang menggunakan pembesar suara	Memastikan waktu pengajaran dan pembelajaran guru tidak digangu semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan	1	Diterima
-------	---	--	---	----------

MIPP4	Memastikan pelajar yang ponteng menguasai semula pelajaran akibat ketidakhadiran dalam kelas	Memastikan murid yang tidak hadir sewaktu pengajaran dan pembelajaran guru menguasai semula objektif pembelajaran di kelas	0.875	Diterima
MIPP5	Melawat kelas bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) digunakan untuk belajar dan mempraktikkan kemahiran serta konsep baharu	Membuat pencerapan bagi memastikan waktu pengajaran dan pembelajaran digunakan untuk belajar dan mempraktikkan kemahiran serta konsep baharu (contoh: KBAT/PAK-21)	1	Diterima
MIPP7	Melawat kelas bagi berbincang dengan guru dan pelajar berkaitan hal akademik sekolah	Meluangkan masa bagi berbincang dengan guru dan murid berkaitan kurikulum di kelas	1	Diterima
MIPP8	Melibatkan diri dalam kegiatan kurikulum dan ekstrakurikular	Melibatkan diri dalam memberi bimbingan dan pementoran kepada guru berkaitan kurikulum	0.875	Diterima
MIPP9	Mengambil alih guru yang tidak hadir atau lewat ke kelas sehingga guru pengganti tiba ke kelas	Mengambil alih ketidakhadiran guru atau lewat ke kelas sehingga guru pengganti tiba	1	Diterima
MIPP11	Memperkuuh prestasi cemerlang oleh guru dalam mesyuarat, surat siaran atau memo	Mengiktiraf usaha atau prestasi cemerlang guru dalam mesyuarat atau secara bertulis bagi simpanan fail peribadi	1	Diterima
MIPP12	Memuji guru yang menunjukkan prestasi baik secara peribadi	Memuji guru yang menunjukkan prestasi cemerlang secara peribadi	1	Diterima
MIPP14	Memberi ganjaran atas usaha guru dengan menyediakan peluang untuk pembangunan kerjaya (tugasan baharu atau latihan dalam perkhidmatan)	Memberi ganjaran atas usaha cemerlang guru dengan menyediakan peluang untuk pembangunan kerjaya (contoh: kenaikan pangkat/latihan dalam perkhidmatan)	1	Diterima
MIPP18	Mengedarkan artikel jurnal pendidikan kepada guru secara berkala	Mengedarkan artikel jurnal dan info pendidikan kepada guru secara berkala	1	Diterima

MIPP19	Menyokong guru menggunakan kemahiran instruksional hasil dari latihan dalam perkhidmatan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas	Menyokong guru menggunakan kemahiran instruksional hasil dari PLC dan CPD semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas	1	Diterima
MIPP20	Memastikan guru menerima latihan yang bersesuaian bagi membantu pelajar mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P)	Memastikan guru menerima PLC dan CPD yang bersesuaian dengan matlamat kurikulum bagi membantu murid mencapai objektif pembelajaran	1	Diterima
MIPP21	Menjemput penceramah luar bagi menyampaikan ceramah berkaitan pengurusan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam mesyuarat sekolah	Menjemput panel luar bagi menyampaikan PLC dan CPD berkaitan kurikulum dan perancangan pengajaran dan pembelajaran (contoh: SKPMg2 Standard 4)	0.875	Diterima
MIPP24	Memperuntukkan masa dalam mesyuarat panitia untuk guru berkongsi idea berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P)	Memperuntukkan masa bersama guru dalam mesyuarat panitia untuk guru berkongsi idea berkaitan kurikulum dan perancangan pengajaran dan pembelajaran (contoh: SKPMg2 Standard 4)	0.875	Diterima
MIPP25	Menetapkan piawaian yang tinggi bagi kadar peratusan pelajar yang dijangka menguasai objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P)	menetapkan piawaian yang tinggi bagi kadar peratusan murid yang dijangka menguasai objektif pembelajaran dan kualiti pencapaian dalam peperiksaan	0.875	Diterima
MIPP26	Menggalakkan guru memula dan menamatkan kelas mengikut masa	menggalakkan guru memula dan menamatkan pengajaran dan pembelajaran mengikut masa yang ditetapkan	1	Diterima
MIPP27	Memaklumkan pelajar tentang jangkaan tahap penguasaan dalam kelas dan aras yang berbeza	Maklum tentang prestasi murid yang berada dalam jangkaan tahap penguasaan dalam kelas dan aras yang berbeza	1	Diterima

MIPP30	Mengiktiraf pelajar yang cemerlang dari segi akademik dengan memberi ganjaran seperti senarai kepujian atau sijil penghargaan	Mengiktiraf murid yang cemerlang dari segi kurikulum atau sahsiah dengan memberi ganjaran seperti sijil penghargaan di perhimpunan atau pejabat sekolah	1	Diterima
MIPP33	Menghubungi ibu bapa bagi menyampaikan peningkatan prestasi pelajar di sekolah	Menghubungi ibu bapa untuk memaklumkan peningkatan prestasi murid di sekolah	1	Diterima

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa tujuan utama kajian penyelidikan ini telah berjaya dicapai. Kajian penyelidikan ini merumuskan kejayaan analisis keperluan dalam mereka bentuk dan membangunkan instrumen pengukuran kepimpinan instruksional MLT seterusnya mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi daripada kesepakatan pakar penilai. Instrumen pengukuran ini boleh digunakan bagi mengukur amalan kepimpinan instruksional MLT di institusi pendidikan serta kekurangan kajian penyelidikan berkaitan dengan pemimpin pertengahan terutamanya MLT akan berjaya diatasi dengan adanya instrumen pengukuran ini. Namun demikian, kajian penyelidikan selanjutnya boleh dilaksanakan menggunakan teori dan model kepimpinan lain yang berkemungkinan sesuai seperti model kepimpinan inovasi (Dayang Rafidah, 2021); model kepimpinan 4.0 (Kelly, 2019); dan sebagainya bagi mengatasi jurang potensi pemimpin pertengahan yang perlu ditambah baik terutamanya melibatkan MLT.

### Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Ramlee Ismail selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Marinah Awang selaku penyelia bersama di atas bimbingan, nasihat, dorongan, serta tunjuk ajar yang diberikan sepanjang proses penyediaan kajian penyelidikan ini dilaksanakan. Tanpa sokongan daripada penyelia utama dan penyelia bersama, sukar bagi saya untuk mencapai dapatan kajian yang memuaskan dalam kajian penyelidikan ini. Juga jutaan terima kasih diucapkan kepada Che Noor Hawa Che Ismail serta ahli keluarga yang turut membantu secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyiapkan dan melaksanakan kajian penyelidikan ini untuk diterbitkan. Penghargaan khusus juga diberikan kepada pihak International Journal of Education, Psychology, And Counselling (IJEPC) serta para penilai kerana menerima kajian penyelidikan ini untuk diterbitkan. Setiap sumbangan yang diberikan sama ada kecil atau besar, amat berharga dan didahului dengan ucapan terima kasih.

### Rujukan

- Abd Razak Manaf. (2017). Pembinaan dan pengesahsahihan model kompetensi guru penolong kanan pentadbiran dan akademik sekolah menengah Malaysia. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adams, D., Periasamy, R., Devadason, E., & Awang, S. (2018). Amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah vernakular negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 28, 109-132.

- Alig-Mielcarek, J. M. (2003). A model of school success: Instructional leadership, academic press, and student achievement. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Ohio State University.
- Aziah Samichan, Jamal Nordin Yunus, Marinah Awang, & Sukor Beram. (2021). Perbandingan model kepimpinan instruksional: Persepsi barat dan Malasyia. *Management Research Journal*, 10, 94-105. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.sp.8.2021>
- Beaton, D. E., Bombardier, C., Guillemin, F., & Ferraz, M. B. (2000). Guidelines for the process of cross-cultural adaptation of self-report measures. *Spine*, 25(24), 3186-3191. <https://doi.org/10.1097/00007632-200012150-00014>
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). Research methods for business: A skill-building approach (8<sup>th</sup> ed.). United States: John Wiley & Sons.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 1(3), 185-216. <https://doi.org/10.1177/135910457000100301>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). Research methods in education (8<sup>th</sup> ed.). New York: Routledge.
- Creswell, J. W., & Gutterman, T. C. (2020). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (6<sup>th</sup> ed.). London, UK: Pearson.
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*, 5(4), 194-197. [https://doi.org/10.1016/S0897-1897\(05\)80008-4](https://doi.org/10.1016/S0897-1897(05)80008-4)
- Dayang Rafidah Syariff M. Fuad. (2021). Pembinaan model kepimpinan inovasi pengetua di sekolah menengah bandar negeri Sabah dan pengaruhnya terhadap budaya inovasi dan inovasi organisasi. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ghadermarzi, H., Ataei, P., Karimi, H., & Norouzi, A. (2022). The learning organisation approaches in the Jihad-e Agriculture Organisation, Iran. *Knowledge Management Research & Practice*, 20(1), 141-151. <https://doi.org/10.1080/14778238.2020.1767520>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, A., & Anderson, R. E. (2010). Multivariate data analysis (7<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Personal Education Inc.
- Hallinger, P. (2011). A review of three decades of doctoral studies using the principal instructional and management rating scale: A lens on methodological progress in educational leadership. *Educational Administration Quarterly*, 47(2), 271-306.
- Hallinger, P. (2003). Leading educational change: Reflections on the practice of instructional and transformational leadership. *Cambridge Journal of Education*, 33(3), 329-351. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.sp.8.2021>
- Hallinger, P. (2000). A review of two decades of research on the principalship using the principal instructional management rating scale. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, Seattle, Washington.
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1987). Assessing and developing principal instructional leadership. *Jurnal of Educational Leadership*, 45(1), 54-61.
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the instructional management behavior of principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217-247. <https://doi.org/10.1086/461445>
- Hallinger, P., Wang, W. C., & Chen, C. W. (2013). Assessing the measurement properties of the principal instructional management rating scale: A meta-analysis of reliability studies. *Educational Administration Quarterly*, 49(2), 272-309. <https://doi.org/10.1177/0013161x12468149>

- Harris, A., Jones, M., Ismail, N., & Nguyen, D. (2019). Middle leaders and middle leadership in schools: Exploring the knowledge base (2003-2017). *School Leadership and Management*, 39(3-4), 255-277.  
<https://doi.org/10.1080/13632434.2019.1578738>
- Hosshan, H., Stancliffe, R. J., Villeneuve, M., & Bonati, M. L. (2020). Inclusive schooling in Southeast Asian countries: A scoping review of the literature. *Asia Pacific Education Review*, 21(1), 99-119.  
<https://doi.org/10.1007/s12564-019-09613-0>
- Jeffri Mat Yasim, Azlin Norhaini Mansor, & Aida Hanim Ab Hamid. (2020). Kepimpinan instruksional abad ke-21 dan amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru besar di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization*, 3(2), 21-37.
- Kaume-Mwinzi, K. R. (2016). Administrative and leadership innovation in the 21st century: A secondary school sub-sector perspective in Kenya. *Research in Pedagogy*, 6(2), 85-94.
- Kelly, R. (2019). Constructing leadership 4.0: Swarm leadership and the fourth industrial revolution. Switzerland: Springer.  
<https://doi.org/10.1007/978-3-319-98062-1>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Panduan pengurusan program transformasi daerah (3<sup>rd</sup> ed.). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Terma rujukan dan pengurusan pelaksanaan program transformasi sekolah 2025 (TS25). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lokman Mohd Tahir, M. Al Muzammil, & Mislina Salleh. (2013). Impak strategi politik terhadap amalan kepimpinan pengajaran pengetua cemerlang. *Jurnal Teknologi*, 60(1), 1-10.  
<https://doi.org/10.11113/sh.v60n1.169>
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing research*, 35(6), 381-385.
- Marron, J. M., & Cunniff, D. (2014). What is an innovative educational leader?. *Contemporary Issues in Education Research*, 7(2), 145-150.
- Mat Rahimi Yusof. (2020). Exploring school leaders' virtual instructional leadership. *International Journal of Modern Education*, 2(4), 43-55.
- Mc Ewan, E. K. (2003). Seven steps to effective instructional leadership (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, California: Corwin Press.  
<https://dx.doi.org/10.4135/9781483328775>
- Miles, M. B., & Hubberman, A. M. (1994). Qualitative data analysis (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Mohd Yusri Ibrahim, & Aziz Amin. (2017). Model kepemimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 11-25.
- Pallant, J. (2020). SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS (7<sup>th</sup> ed.). London: Routledge.  
<https://doi.org/10.4324/9781003117452>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2017). Nursing research: Generating and assessing evidence for nursing practice (10<sup>th</sup> ed.). Philadelphia: Wolters Kluwer Health.

- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 29(5), 489-497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. V. (2007). Is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 30(4), 459-467. <https://doi.org/10.1002/nur.20199>
- Qian, H., Walker, A., & Li, X. (2017). The west wind vs the east wind: Instructional leadership model in China. *Journal of Educational Administration*, 55(2), 186-206.
- Ramlee Ismail, & Marinah Awang. (2017). Quality of Malaysian teachers based on education and training: A benefit and earnings returns analysis using human capital theory. *Quality Assurance in Education*, 25(3), 303-316. <https://doi.org/10.1108/QAE-06-2016-0032>
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus, & Marinah Awang. (2021). Analisis Data dan Pelaporan dalam Penyelidikan Pendidikan. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roslizam Hassan, Jamilah Ahmad, & Yusof Boon. (2018). Instructional leadership in Malaysia. *International Jurnal of Engineering and Technology*, 7(3.30), 424-432.
- Schleicher, A. (2012). Preparing teachers and developing school leaders for the 21st century: Lessons from around the world. Paris, France: OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/9789264174559-en>
- Sharma, S., Barnett, B. G., Yan, C., Leong, P., Mee, W., & Maloud, S. A. (2018). Instructional leadership: A systematic review of Malaysian literature 1995-2015. *Educational Leader*, 6, 50-63.
- Shrotryia, V. K., & Dhanda, U. (2019). Content validity of assessment instrument for employee engagement. *SAGE Open*, 9(1), 1-7. <https://doi.org/10.1177/2158244018821751>
- Sukor Beram. (2022). Pembangunan model kompetensi POPSS bagi pemimpin pertengahan kolej matrikulasi kementerian pendidikan Malaysia. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sukor Beram, Marinah Awang, & Ramlee Ismail. (2019). Analisis keperluan pembangunan model kompetensi pemimpin pertengahan. *4<sup>th</sup> Asia Pacific Conference on Educational Management and Leadership APCEMal2019*. 4(7), 25-31.
- Tabachnick, B. G., Fidell, L. S. (2019). Using multivariate statistics (7<sup>th</sup> ed.). Boston: Pearson Education Inc.
- Weber, J. (1996). Leading the instructional program. United States: ERIC Clearinghouse on Educational Management.
- Zamanzadeh, V., Ghahramanian, A., Rassouli, M., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H., & Nikanfar, A. R. (2015). Design and implementation content validity study: Development of an instrument for measuring patient-centered communication. *Journal of Caring Sciences*, 4(2), 165-178. <https://doi.org/10.15171/jcs.2015.017>